Jilid IV
Bil. 37



MALAYSIA

Hari Jumaat
28hb Oktober 1994

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGAN

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang undang-undang Perbekalan 1995 [Ruangan 6245]

USUL:

Anggaran Perbelanjaan 1995 [Ruangan 6293]

Diterbit oleh
CAWANGAN DOKUMENTASI
PARLIMEN MALAYSIA
1999

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.1., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.. S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T.. D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

" Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K.. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, D.G.S.M.. S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

" Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU. S.P.M.P.. S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

" Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.. D.P.C.M. (Beruas)

" Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowin

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

" Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD. S.I.M.P., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

" Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.G.S.M.. D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi)

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T.. p.i.s. (Kuala Selangor)

" Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat)

" Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P.. S.I.M.P.. D.P.M.S., D.S.A.P. (Pekan)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.. S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., B.S.I. (Pulai)

" Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

" Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah)

" Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.S.S.A., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut)

" Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.. J.P. (Bentong)

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

" Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING. P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.BJ. (Sarikei)

" Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng)

" Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna)

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang. DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J, S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

" Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI. D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

" Menteri Belia dan Sukan, TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN. S.M.J. (Ledang)

" Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar)

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK BERNARD GILUK DOMPOK. P.G.D.K., J.P. (Penampang)

" Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya)

" Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan)

" Timbalan Menteri Dalam Negen, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat)

" Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

" Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakai. DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu)

" Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.S.S.A., D.I.M.P. (Jerantut)

" Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab)

" Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

" Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K.. J.M.N. (Silam)

" Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang)

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIPPIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

" Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi. DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol)

" Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah)

" Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHL WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, O.P.M.S. (Titiwangsa)

" Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN. D.S.P.N., PJ.K. (Balik Pulau)

" Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P.. A.M.N., P.P.N. (Raub)

" Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri)

" Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri)

" Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K.. A.M.K., (Kulim Bandar Baharu)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping)

" Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)

" Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading)

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah)

" Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU. P.N.B.S., J.B.S., K.M.N.,P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)

" Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar)

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik)

" Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Lipis)

" Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S.. J.M.N., J.P. (Kapar)

" Timbalan Menteri Pertanian, DR. T. MARIMUTHU, K.M.N., S.D.K., (Telok Kemang)

" Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P.. A.M.P.. J.P. (Parit Buntar)

" Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang)

" Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar. DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok)

" Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman)

" Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin)

" Seliausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong)

" Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, D.S.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)

" Setiausaha Parlimen Kementenan Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan)

" Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

" Setiausaha Parlimen, Kemenlenan Kesihatan, DATO' K. KUMARAN. D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

" Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATUK S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K.. A.M.S. (Segamat)

" Setiausaha Parlimen, Kemenlerian Kewangan, DATUK DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

" TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan)

" DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing)

" TUAN ABDUL GHAFFAR BIN BABA (Jasin)

" TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang)

" TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut)

" DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu)

" TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar)

" DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K. (Kuala Nerus)

" DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J.. P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

" TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa)

" DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.. B.C.K. (Padang Terap)

" TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru)

" TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh)

" TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang)

" DATO' AUAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu)

" DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu)

" TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dunguh)

" TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai)

" DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat)

Yang Berhormat TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang)

" TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok)

" TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam)

" TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar)

" TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

" DR V. DAVID (Puchong)

" TUAN FONG KUI LUN (Klang)

" TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah)

" TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau)

" TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera)

" TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh)

" TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram)

" TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI D.M.S.M. (Pasir Mas)

" TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah)

" TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai)

" TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah)

" CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani)

" LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu)

" PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu)

" TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar)

" DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS, D.I.M.P. (Rompin)

" TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu)

" TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGA, P.B.S. (Kapit)

" TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau)

" TUAN KANG CHOW OH (Kluang)

" TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong)

" TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji)

" DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya)

" TUAN LAI LUNG TZEE (Sandakan)

" TUAN LAU DAK KEE (Ipoh)

Yang Berhormat TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu)
" TUAN LIEW AH KIM (Seputeh)
" TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka)
" TUAN LIM HOCK SENG (Bagan)
" TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong)
" PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai)
" DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut)
" TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam)
" DATUK MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud)
" TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan)
" TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas)
" DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran)
" TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri)
" TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai)
" TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru)
" DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K.. K.M.N. (Kuala Kedah)
" DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., PJ.K. (Sepang)
" TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam)
" DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P.. A.M.P. (Larut)
" DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran)
" Menteri Hal Ehwal Sabah, TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN. S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.K., K.C.R.L.. K.S.T.J., O.B.E. (Limbawang)
" TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit)
" DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun)
" DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis)
" TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan)
" DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu)
" DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau)
" TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor)
" DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading)
" DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY, P.G.D.K., A.S.D.K. (Nibong Tebah
" DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.. B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
" TUAN RADIN MALLEH (Padas)

Yang Berhormat DATIN PADUKA HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP. D.S.S.A.. A.M.N., P.J.K., (Shah Alam)

" Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.. S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

" TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian)

" PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong)

" TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong)

" TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang)

" TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K.. J.P., A.D.K., (Semporna)

" DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang)

" TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau)

" TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching)

" CIK SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau)

" TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas)

" TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan)

" DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman)

" TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi)

" DR TAN SENG GIAW (Kepong)

" TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau)

" TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong)

" WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar)

" WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar)

" TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat)

" WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh)

" TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang)

" DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu)

" TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang)

" TUAN WONG WING ON (Kampar)

" TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai)

" TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru)

" TUAN GEOPPREY YEE LING FOOK (Tawau)

" TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban)

" TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.. P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Pemangku Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penolong Penyunting: Hajah Shamsiah binti Md. Yusop.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Haji Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Su Soon Chuan.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 28hb Oktober, 1994

Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.00 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat]*

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1995

Bacaan Kali Yang Kedua

4.00 petang.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Bismillahir-rahmanir-rahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1995 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu" dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Kita kini berada di satu daerah perbatasan. la bukan sekadar perbatasan masa dengan menjelangnya abad yang baru. Jauh lebih bermakna ialah perbalasan kerangka pemikiran yang mengiringi tamatnya Perang Dingin; perbatasan aturan dan tata politik dan ekonomi sejagat. Agak terlalu awal bagi kita menerima tanggapan bahawa perkembangan mutakhir sudah menandakan kemunculan tata baru dunia yang adil dan saksama. Sejarah belumlah berakhir dengan tamatnya satu era, bahkan putaran roda masa kian pantas dan mempertajamkan kepekaan kita untuk menangani arus baru.

Namun begitu terdapat petanda awal yang mungkin menyegarkan harapan. Di antara perubahan yang dianggap menakjubkan ialah lonjakan ekonomi Asia, khususnya Asia Timur. Kebangkitan baru kuasa ekonomi tersebut seandainya terus mampan akan menggugat kedudukan dominan negara-negara industri Barat. Setelah beberapa abad berada di puncak kekuasaan. masyarakat Atlantik mula terjebak dengan dua kenyataan: samada menganggap Asia sebagai rantau saingan atau sebagai pemangkin kepada ekonomi mereka dari kebekuan dan kemelesetan.

Gerakan kebangsaan di negara membangun berjaya membenkan kemerdekaan politik. Namun. dikebanyakan negara tersebut, politik terus meruncing dan ekonomi kian lembab dan laih. Keyakinan rakyat kian terhakis kerana keselesaan yang dijanjikan tidak tercapai. Kini, kiia sedang menyaksikan kerancakan pertumbuhan ekonomi rantau ini sebagai

satu gelombangan kebangkitan masyarakat. Asas ekonomi bukan sekadar berjaya dipulih, bahkan sekiranya digarap permasalahan secara menyeluruh dan jitu, maka kita lebih bersedia melancarkan satu *renaissance* atau *nahdah* yang mampu mewarnai tata dunia yang adil dan saksama.

Meskipun pertumbuhan menjadi begitu asasi dan paling menonjol hingga membenamkan perbedaan ideologi, namun kenyataannya ialah Asia tidak boleh dipisahkan dari sejarah, kebudayaan dan tradisinya. Arus ini perlu dilihat dari perspektif kepribadian kita yang menyeluruh. Kejayaan tidak harus dibatasi dengan angka-tunjuk ekonomi semata-mata. Keselesaan hidup harus terjamin, namun pembangunan hakiki juga bermakna usaha menggilap kekuatan akliah, pengukuhan akhlak, pemekaran budaya dan pembinaan jiwa merdeka. Kita menganjurkan kebebasan datam lingkungan moral, penyertaan dalam pembangunan dan urusan awam, dan reformasi untuk membebaskan masyarakat dari kezaliman, rasuah dan pelbagai penyakit kebejatan sosial. Bahkan dalam aspek ekonomi sekalipun ia bukan terhad kepada isu pertumbuhan. Pembasmian kemiskinan, pengagihan kekayaan dan usaha ke arah pemerataan sosial sewajarnya melengkapi setiap rencana ekonomi.

II. SENARIO EKONOMI ANTARABANGSA

Tuan Yang di-Pertua, prestasi ekonomi negara industri semakin pulih, telapi, belum menyakinkan kerana kelemahan menyelesaikan masalah pengangguran yang rumit. Justeru itu, negara yang dianggap saingan dituduh sebagai perampas peluang pekerjaan sehinga menular prasangka terhadap rakyat Asia. Ada yang menafsirkan pergelutan tersebut melampaui batas ekonomi bahkan sebagai pertembungan budaya (clash of cultures) dan peradaban. Tindakan dikenakan melalui sekatan tarif dan bukan tarif untuk menumpulkan daya saing atau menghalang kemasukan barangan keluaran negara membangun ke pasaran negara industri. Para pekerja sendiri harus waspada dan tidak terperangkap dengan muslihat halus mereka menggunakan bab sosial; buruh dan alam sekitar sebagai senjata perdagangan. Oleh itu, sementara kita mendukung prinsip demokrasi dan hak asasi, kita harus mempertikai pendinan negara yang selama berabad menjajah tetapi kini berlagak menjadi jaguh keadilan dan dengan tanggapan mengikut ukuran kebudayaan mereka.

Senario ekonomi terus dikeruhkan dengan pertelingkahan perdagangan yang berlarutan di antara Jepun dan Amerika Syarikat. Dengan termelerainya NAPTA. persaingan ke atas eksport dari negara membangun semakin meningkat. Kelambatan mengesahkan perjanjian pusingan Uruguay dan penubuhan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) menampakkan kendurnya minat negara industri mendukung prinsip perdagangan bebas.

Pendirian Malaysia di medan antarabangsa tetapi tuntas; forum bukannya arena bagi kuasa utama yang terpilih sahaja. Kepentingan semua negara besar dan kecil, harus terpehhara dan berada pada perimbangan yang sehai. Di atas asas inilah kita mengajukan reformasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan mengimbau keprihatinan masyarakat antarabangsa. Kita menyanggah, umpamanya, sikap negara industri kerana mengenepikan kepentingan negara membangun dalam isu Hak Pengeluaran Khas (SDR). di Sidang Bank Dunia/IMF.

Kebijaksanaan kita mengutarakan (EAEC) adalah sebagai langkah positif untuk menentang arus perlindungan. Komitmen ini turut diterjemahkan melalui penubuhan (AFTA) pelbagai rangka tiga segi pertumbuhan dan usaha menyegerakan liberalisasi perdagangan dan pengurangan tarif. Kita akan menangkap segala peluang untuk mengadakan kerjasama sesama negara selatan. Kerajaan juga ingin melihat (APEC) kekal sebagai forum perundingan yang berkesan. Kita yakin dengan cara ini kita dapat terlepas dari perangkap dasar perlindungan dan terus memberikan sumbangan terhadap pertumbuhan ekonomi dunia.

III. EKONOMI MALAYSIA

Selaras dengan falsafah pembangunan negara, pertumbuhan ekonomi adalah wasilah untuk membangunkan insan seutuhnya dan menjamin keadilan sosial. Pertumbuhan menjadi prasyarat bagi meneruskan agenda pengagihan; mengangkat mutu hidup rakyat di dusun, desa dan bandar; meningkat kesedaran ilmu, membina ketrampilan teknologi serta menyemarakkan aprestasi seni dan budaya. Dan, merentasi segala perancangan tersebut ialah penyemaian nilai luhur berdasarkan faham agama dan moral. Kita tidak perlu apologetik dan bermaaf kerana ingin membina ketahanan negara dan mengangkat martabat dan darjat insan. Kita harus pelajari dari kesilapan para demagog dan gerombolan jumud yang cuba meremehkan usaha pembangunan dan mengakibatkan masyarakat terbelenggu dalam kejahilan dan kedaifan. Justeru itu, kita bersyukur kehadrat Allah swt. kerana tahun 1994 merupakan tahun yang cemerlang bagi ekonomi Malaysia. *[Tepuk]*

Bagi merumuskan kejayaan tersebut, saya senaraikan mengikut urutan:

Pertama: pertumbuhan ekonomi negara pada kadar 8.5 peratus adalah antara yang tertinggi di dunia. *[Tepuk]* dan rekod kita mempertahankan pertumbuhan melebihi 8 peratus selama tujuh tahun berturut-turut sukar ditandingi oleh mana-mana negara; *[Tepuk]*

Kedua: pendapatan per kapita meningkat kepada RM8.856 atau AS3.046. Jika diukur dari perkiraan bandingan daya beli (purchasing power parity) pendapatan per kapita negara adalah pada AS$8,378;

Ketiga: ketika negara-negara membangun lain bahkan juga negara industri berhempas pulas menangani masalah pengangguran, kita di Malaysia telah mencapai tahap guna tenaga penuh. Kadar pengangguran sekarang adalah 2.9 peratus. jauh lebih rendah dari 8.8 peratus pada tahun 1986 berbanding dengan negara industri di mana kadar pengangguran melebihi 9 peratus;

Keempat: kita sekali lagi mencatat rekod belanjawan berimbang. Lebihan atau surplus tahun ini adalah lebih kukuh iaitu RM637 juta. Ini merupakan satu kejayaan besar kerana dalam tahun 1982 defisit belanjawan berjumlah RMll.2 bilion;

Kelima: Rizab negara memuncak kepada RM81.7 bilion dan mampu menampung import tertangguh selama 6.7 bulan. Nilai ringgit pula semakin stabil dan teguh;

Keenam: beban hutang luar negeri telah jauh berkurangan. Nisbah khidmat hutang luar negara kini hanya 4.7 peratus berbanding dengan 18.9 peratus pada tahun 1986. *[Tepuk]* Nisbah khidmat hutang Kerajaan Persekutuan berada di kadar paling rendah pada 1.5 peratus;

Ketujuh: sumbangan sektor pembuatan kepada KDNK telah meningkat kepada 31.5 peratus. Pendapatan dari eksport barangan perkilangan adalah 78 peratus dari keseluruhan nilai eksport; dan

Kedelapan: kita menduduki tangga ke-19 di arena perdagangan antarabangsa. Manakala dari segi daya saing diperingkat dunia, kita berada di tangga ke-17 malahan di kalangan negara-negara bukan ahli (OECD) kila berada di tahap atau peringkat ketiga tertinggi. *[Tepuk]*

Keunggulan tersebut ditambah pula dengan kejayaan mempertahankan prestasi dalam beberapa bidang lain. Paling ketara ialah kejayaan membendung inflasi dalam keadaan pertumbuhan yang tinggi. Golongan pesimis telah meramalkan inflasi akan melangakaui paras 5 peratus. Di sebaliknya, inflasi dapat dikawal pada kadar 3.7 peratus bagi sembilan bulan pertama tahun ini, seperti dalam tempoh yang sama pada tahun 1993. Kenaikan harga ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga sektor makanan sebanyak 5.5 peratus. Langkah kewangan dan fiskal, penurunan dan penghapusan duti import serta langkah pengawasan lainnya akan diteruskan. Kita yakin msya Allah inflasi akan dapat dikawal pada paras 3.8 peratus tahun ini.

Tahun lalu negara asyik bergelap disebabkan kekurangan bekalan elektrik. Dengan tindakan segera Tenaga Nasional serta langkah menswastakan 6 projek penjanaan kuasa (IPP), keadaan telah bertukar dari kekurangan tenaga kepada lebihan. Sekarang, kita mampu mengeksport elektrik ke negara jiran.

Pembinaan prasarana untuk meningkatkan keselesaan hidup rakyat dan memenuhi keperluan industri diteruskan. Pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Laluan Kedua ke Singapura, (LRT) Pelabuhan Pulau Indah, Kelang dan lain-lain dimulakan. Selaras dengan cita-clta menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat komunikasi berteknologi linggi di rantau ini. Kerajaan telah membina Menara Kuala Lumpur yang dijangka siap pada tahun 1995.

Kadar kemiskinan dijangka bcrkurangan kepada 8.8 peratus pada tahun 1994, berbanding dengan 20.7 peraius pada tahun 1985. Kita telah dapat meningkatkan kemudahan asas. perkhidmatan kesihatan, pendidikan mutu pemakanan masyarakat bandar dan desa. Projek-projek menebar ke kampung; kampung baru, estet; kawasan pendalaman dan perkampungan orang asli.

Tuan Yang di-Pertua, tahun lalu, program raksasa perumahan kos rendah yang berjumlah RM1.4 bilion telah dilancarkan. Pada tahun ini,saya telah mengumumkan pertambahan sebanyak RM200 juta kepada komponen pembiayaan perantaraan. Kita berbangga kerana sektor swasta juga telah menyumbangkan RM327 juta kepada komponen dana bagi membiayai pembinaan perumahan rakyat termiskin; dan dengan peruntukan RM300 juta dari Kerajaan, jumlah komponen dana melebihi RM600 juta. Setakat ini, pelaksanaannya nyata menyerlah dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Di bawah Tabung Perumahan Kos Rendah dan program Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, sejumlah 58,200 unit rumah telah diluluskan untuk pembinaan. Sambutan yang menggalakkan ini, menambah keyakinan kita untuk menyediakan perumahan rakyat dan dengan ini menolak anggapan negatif kalangan yang sejak awal lagi mempertikaikan niat dan keupayaan Kerajaan. Dari itu, saya ingin mengumumkan tambahan kepada tabung pusingan baru menjadikannya RMl bilion *[Tepuk]* menjadikan keseluruhan peruntukan bagi perumahan kos rendah RM2.6 bilion. *[Tepuk]*

Bursa Saham Kuala Lumpur terus maju sebagai bursa terkemuka di rantau ini. Dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini, sebanyak 61 syarikat telah mendapat kelulusan untuk disenaraikan. Dari jumlah ini, 40 syarikat disenaraikan dengan jumlah dana diperolehi sebanyak RMl.6 bilion. Jumlah ini pasaran meningkat sebanyak 29.5 peratus kepada RM579 bilion pada 27 Oktober 1994 berbanding dengan jumlah pada 27 Oktober 1993. Langkah tambahan akan terus diambil untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat pasaran sekuriti yang canggih dan terkenal.

Tetapi pemilikan saham di Malaysia tidak lagi terbatas kepada segelintir warga kaya. Melalui tawaran terbuka. dan program saham amanah negeri-negeri, saham kian semakin diterima sebagai bentuk aset baru untuk individu sebagai tambahan kepada aset biasa seperti hartanah. Dalam tahun ini sahaja. jumlah rakyat yang memiliki saham melebihi 5 juta orang. Pemilikan saham telah menjadi kaedah pengagihan baru dari penghuni rumah atap genting di Bukit Kenny kepada petani beratap rumbia di Gua Musang. *[Ketawa]*

Adalah dianggarkan beberapa projek yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan dan swasta akan memerlukan pembiayaan yang melangakaui lebih daripada RM100 bilion. Lantaran itu. kita perlu menggembeling tabungan yang lebih tinggi. Beberapa instrumen kewangan yang canggih seperti waran. nota berasaskan Islam dan nota-nota jangka pendek telah diperkenalkan untuk meluaskan pilihan bagi syarikai memperolehi dana untuk pelaburan mereka. Di samping itu, Kerajaan akan terus berusaha untuk memajukan lagi pasaran sekuriti hutang swasta. Ha.sil daripada langkah-langkah yang telah diambil, tabungan negara dijangka kekal tinggi di tahap 32.4 peratus dari KNK.

Langkah inovatif untuk memperkenalkan sislem perbankan dan instrumen kewangan Islam berselari dengan sistem bank korwensional, telah memperkenalkan Malaysia sebagai satu-satunya negara terulung di dunia yang mengamalkan sistem kewangan Islam dan sistem dwi perbankan dengan jayanya. Sistem itu memberi lebih ruang untuk menggerakkan tabungan. Setakat ini.

sebanyak 30 institusi kewangan, termasuk bank asing telah melancarkan sistem perbankan Islam.

Kekangan tenaga buruh telah mendorong kepada kenaikan upah. Kenaikan upah purata di sektor pembuatan bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun ini sebanyak 6.7 peratus, berbanding dengan peningkatan produktiviti sebanyak hanya 2.2 peratus. Kenaikan upah yang tidak sejajar dengan peningkatan produktiviti ini akan meningkatkan kos pengeluaran, seterusnya menjejaskan daya saing barangan eksport kita di pasaran antarabangsa.

Pada akhir tahun lalu, negara telah digemparkan oleh tragedi Highland Towers, diikuti dengan beberapa lagi peristiwa tanah dan bangunan runtuh di Bukit Praser dan Cameron Highland serta kebakaran lapangan terbang yang berlaku berulang kali. Punca jelas ialah kelemahan dalam mematuhi peraturan, ghaflah dan menyeleweng. Kesan kejutan tidak harus sementara sifatnya. Sebagai iktibar, kita perlu lebih teliti dan menyedari keperluan menyelenggara bangunan dan harta sebagai satu budaya di jabatan Kerajaan dan sektor swasta. Peruntukan segera untuk maksud penyelenggaraan bagi tahun 1994 dan awal 1995 berjumlah RM2 bilion disediakan sebagai tambahan kepada peruntukan tahun 1994 sebanyak RM850 jula. Ini termasuk penyelenggaraan bangunan sekolah, hospital, jalan luar bandar, bangunan kerajaan dan bangunan tentera dan polis. RM200 juta diperuntukkan khusus untuk meningkat mutu dan keupayaan jambatan. Keberkesanan jangka panjang hanyalah dapat dicapai sekiranya budaya selenggara benar-benar diamalkan.

Pemuliharaan alam sekitar telah dijadikan fokus pembangunan kerana dengan mengenepikannya akan memberi kesan kepada alam sekitar dan mengakibatkan kos pemuliharaan berlipatganda. Petualang rakus yang mengaut keuntungan melalui pembuangan toksid atau pembalakan haram, akan diburu. Pindaan undang-undang dan penguatkuasaan yang berkesan telah menyebabkan terkawalnya pembalakan haram.

Beberapa minggu lalu, negara kita diselubungi jerebu. Pandangan menjadi kabur, paru-paru diserang debu. Atas saranan Perdana Menteri, kita telah mengutarakan isu ini di Perhimpunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di New York, memohon keprihatinan 'masyarakat antarabangsa.

IV. BELANJAWAN 1995

Tuan Yang di-Pertua, kerangka Belanjawan 1995 akan berpaksi kepada pembangunan insan seutuhnya; meluru ke arah pertumbuhan yang tangkas dan rancak. Kita mengusulkan supaya cukai dikurangkan; berbelanja dengan cermat dan berhemat; membanteras inflasi; menyediakan sumber daya manusia; menumpu lenaga ke arah penyelidikan dan pembangunan serta membudaya nilai positif bagi mengangkat martabai manusia. Mendasari program tersebui ialah kedamaian keluarga dan penyertaan remaja. Dengan hasrat ini, Belanjawan 1995 dirangka bagi mencapai 4 objektif utama;

Pertama : ke arah pertumbuhan yang kukuh dan mampan;

Kedua : kawalan inflasi pada kadar terendah;

Ketiga : pembangunan sumber daya manusia berkc-trampilan; dan

Keempat : pembentukan masyarakat progresif dan seimbang.

Peruntukan Belanjawan 1995

Untuk mengekalkan pertumbuhan kukuh dan mampan serta mengurangkan tekanan inflasi, Belanjawan ini akan meneruskan dasar fiskal berhemat. Saya mencadangkan sejumlah RM48.798 bilion diperuntukan iaitu RM34.395 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM14.403 bilion untuk pembangunan. Jumlah ini merupakan pertambahan sebanyak 3.5 peratus berbanding dengan anggaran peruntukan tahun 1994, iaitu pertambahan 3.3 peratus bagi perbelanjaan mengurus dan 4 peratus bagi pembangunan.

Hasil Kerajaan Persekutuan dijangka menginjak naik kepada RM47.641 bilion. Setelah mengambilkira Terimaan Balik Pinjaman berjumlah RM1.2 bilion dan pengalaman prestasi belanjawan di tahun-tahun lalu, matlamat belanjawan berimbang dapat dicapai bagi tahun 1995 iaitu tiga tahun berturut-turut. *[Tepuk]*

Perbelanjaan Mengurus

Sebanyak RM10.825 bilion daripada Perbelanjaan Mengurus dikhaskan bagi membiayai emolumen. Dasar berhemat memerlukan kita mengawal saiz perkhidmatan awam. Melalui penyusunan semula struktur organisasi jabatan yang dimulakan dalam tahun 1992, sebanyak 18,600 jawatan baru diwujudkan untuk memenuhi keperluan pendidikan dan kesihatan serta bidang yang dapat menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi. Melalui penswastaan pelbagai agensi, sebanyak 7,500 jawatan telah dapat dikurangkan pada tahun ini, 14,700 jawatan lagi dijangka dimansuhkan melalui penswastaan yang dirancangkan bagi tahun 1995.

Peruntukan berjumlah RM17.028 bilion adalah untuk pemberian kepada kerajaan negeri, bayaran khidmat hutang negara, bayaran pencen, serta sumbangan kepada kumpulan wang terkanun. Sejumlah RM5.241 bilion adalah untuk penyelenggaraan, pembelian bahan. sewaan dan perbelanjaan operasi jabatan. Untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti sektor awam, Kerajaan akan memperluaskan penggunaan automasi di pejabat dan rancangan pembangunan teknologi maklumat seperti Public Service Network, (EDI) SIRIMLINK dan lain-lain. Sebanyak RM876 juta adalah untuk pembelian alat kelengkapan serta harta modal. Jumlah selebihnya RM425 juta adalah bagi bayaran balik cukai.

Peruntukan Pembangunan

Daripada peruntukan pembangunan sebanyak RM14.403 bilion, sejumlah RM6.385 bilion alau 44.3 peratus adalah untuk sektor ekonomi, RM3.769 bilion atau 26.2 peratus untuk sektor sosial. RM2.916 bilion atau 20.2 peratus untuk sektor keselamatan dan RM833 juta atau 5.8 peratus untuk perkhidmatan am. Baki RM500 juta adalah unluk Simpanan Luar Jangka.

Mengekalkan Pertumbuhan Yang Kukuh dan Mampan

Perkembangan sektor strategik dalam ekonomi yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan akan terus diberikan galakan. Iklim bagi menggalak pelaburan asing dan domestik akan diberi penekanan setimpal. Kita juga akan memastikan ketelusan peraturan yang tidak terlalu mengongkong. Tumpuan juga akan diberi kepada pembangunan sains dan teknologi dan penyelidikan dan pembangunan.

Iklim Pelaburan

Mulai Belanjawan 1989, Kerajaan

telah memperkenalkan satu rencana reformasi cukai yang menyeluruh dan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Cita-cita kita adalah untuk mewujudkan sistem percukaian yang cekap, telus, saksama dan progresif serta dapat menyediakan iklim pelaburan yang sesuai dan berdaya saing. Seiringan dengan hasrat ini, dalam Belanjawan 1992, Kerajaan telah mengkaji semula insentif cukai galakan pelaburan yang sangat lumayan. Seterusnya cukai pembangunan telah dihapuskan mulai taksiran 1993, duti import barangan banyak dihapus atau dikurangkan dan asas cukai jualan dan cukai perkhidmatan telah diperluaskan. Supaya kecekapan dan prestasi pentadbiran dan pengutipan cukai langsung dipertingkatkan, rang undang-undang untuk melembagakan Jabatan Hasil Dalam Negeri telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Saya mohon mengumumkan satu prakarsa untuk metuaskan upaya pengeluaran dan kecekapan industri tempatan, iaitu Tabung Pelaburan Domestik berjumlah RM1 bilion dengan mengemaskini dan menyatukan semua tabung dan program kewangan yang sedia ada. Tabung ini bertujuan antara lain untuk merangsang pelaburan tempatan terutamanya industri kecil dan sederhana, menggalakkan modenisasi teknologi, penyelidikan, pembangunan barangan jenama Malaysia serta meningkatkan pemasaran ke seluruh dunia. Peruntukan khas RM71.6 juta dikhususkan bagi memajukan prasarana IKS.

Pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera akan diteruskan secara yang lebih bersepadu dan terancang dengan mengguna dan melaksanakan konsep-konsep seperti vendor, payung, francais dan skim-skim tertentu seperti skim modal teroka, skim inkubator dan skim kilang bimbingan. Untuk tujuan tersebut sejumlah RM679 juta disediakan.

Galakan tambahan kepada sektor swasta haruslah disambut dengan kesediaan mereka bertindak lebih berkesan dalam bidang penyelidikan. pengenalan teknologi, meningkatkan pembaharuan dan daya saing dan penerokaan ke pasaran baru.

Layanan Cukai Ke atas Pendapatan Dari Luar Negeri

Kita berharap keuntungan yang diperolehi dari oleh pelaburan Malaysia di luar negeri dapat di laburkan ke negara lain. Dalam Belanjawan ini. saya mencadangkan semua jenis pendapatan yang diremit balik dari luar negeri oleh syarikat Malaysia akan dikecualikan cukai pendapatan sepenuhnya. *[Tepitk]* Galakan ini walau bagaimanapun, tidak meliputi perniagaan bank, insurans. perkapalan laut dan udara di mana pendapatan yang dikenakan cukai merangkumi semua pendapatan dan dalam dan luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya mohon beralih kepada mauduk baru iaitu cadangan percukaian syarikat percukaian perseorangan dan koperasi.

Mengurangkan Kadar Cukai Pendapatan Syarikat

Pertama: cukai pendapatan syarikat. Selaras dengan pengumuman Belanjawan 1994, cukai pendapatan syarikat diturunkan daripada 32 kepada 30 peratus mulai tahun taksiran 1995. *[Tepuk]* Langkah ini bertujuan mewujudkan ikhrn pelaburan yang menarik, meningkatkan daya tanding dan mengurangkan ko.s perniagaan. Kita berhasrat agar cukai pendapatan syarikat kekal pada tahap

yang setanding dengan negara lain di rantau ini. Sesungguhnya, kadar sebenar cukai kita, adalah lebih berdaya saing jika dilihat bersama degan berbagai insentif dan pemotongan cukai lain yang berkaitan.

Layanan Cukai Ke atas Barangan Promosi

Pada masa ini, potongan secara terhad diberikan ke atas perbelanjaan barangan promosi yang diberi percuma. Dengan ini, saya mencadangkan supaya semua perbelanjaan ke atas barangan promoasi yang mempunyai logo atau lambang sesebuah syarikat dibenarkan sebagai potongan bagi cukai pendapatan.

Mengurangkan Kadar Cukai Pendapatan Perseorangan

Kedua: Cukai pendapatan perseorangan. Saya mencadangkan kadar maksimum cukai pendapatan diturunkan dari 34 kepada 32 peratus dengan dan kadar minimum 2 peratus dihapuskan. Dengan penghapusan kadar minimum 2 peratus, golongan yang mempunyai pendapatan yang dicukai sehingga RM2,500 bebas dari dikenakan cukai. *[Tepuk]* Bagi kumpulan lain, kadarcukai akan diturunkan di antara 2 dan 3 mata peratus.

Mengkaji Semula Rebat Dan Pelepasan Anak

Saya juga bercadang untuk memberi manfaat tambahan kepada golongan berpendapatan rendah. Di bawah sistem percukaian pendapatan perseorangan, jumlah cukai pendapatan yang perlu dibayar telah dikurangkan melalui beberapa jenis pelepasan cukai dan rebat. Sebagai langkah untuk mengurangkan lagi beban cukai golongan berpendapatan rendah, saya mencadangkan rebat tersebut dinaikkan lagi dari RM90 kepada RMl 10 bagi diri dan dari RM50 kepada RM60 bagi isteri. Dengan mengambil pertimbangan semua perubahan kepada struktur cukai pendapatan, dan kenaikan rebat baru, seramai 380,000 orang pembayar cukai ataupun 30 peratus daripada jumlah semua pembayar cukai tidak lagi dikenakan cukai pendapatan. *[Tepuk]*

Pada masa ini, seorang pembayar cukai layak menikmati pelepasan anak sebanyak RM800 bagi seorang anak tertakluk kepada had 5 orang anak sahaja. Sebagai langkah untuk mengimbangi kos pembiayaan anak yang semakin bertambah, saya mencadangkan supaya pelepasan ini diberi tanpa menghadkan kepada lima orang anak sahaja ini bagi yang ada anak sahaja *[Ketawa]* Tujuannya sekadar mengurangkan beban keluarga yang sedia ada, bukan untuk kahwin lebih dari satu. *[Ketawa]*

Mengurangkan Kadar Cukai Pendapatan Koperasi

Ketiga: cukai pendapatan koperasi Saya juga mencadangkan kadar cukai maksimum bagi koperasi ke atas pendapatan yang dicukai melebihi RM500,000 dikurangkan daripada 34 kepada 32 peratus. Bagi pendapatan kurang dari jumlah, kadar cukai dikurangkan di antara 1 dan *2* matu peratus. Seterusnya potongan khas bagi maksud cukai pendapatan ditingkatkan dari 6 kepada 8 peratus daripada tabung ahli.

Percukaian Ke Atas Perniagaan Insurans Nyawa Dan Takaful

Pada masa ini, pendapatan daripada pelaburan tabung insurans nyawa dan takaful dikenakan cukai seperti syarikat biasa. Bagi mengalakkan tabungan. saya mencadangkan cukai tersebut dikurangkan kepada kadar 8 peratus sahaja

Dengan perubahan dalam asas cukai ini, kita berharap syarikat insurans nyawa dan takaful akan menurunkan kadar premium bagi pemegang polisinya. Dengan itu, manfaat kepada pemegang polisi yang sedia ada perlu ditambah.

Di bawah asas percukaian semasa, sebahagian besar beban cukai ditanggung oleh pemegang polisi dan penyumbang takaful, manakala pemegang saham nampaknya tidak membayar cukai pada jumlah yang berpatutan. Oleh itu, saya mencadangkan keuntungan yang diperolehi oleh pemegang saham perniagaan insurans nyawa dan takaful dikenakan cukai pada kadar cukai pendapatan syarikat. Justeru itu, beban cukai ditanggung dengan lebih saksama di antara pemegang polisi dan pemegang saham.

Tuntutan Tertanggung Tetapi Belum Dilapor

Pada masa ini, jumlah tertanggung bagi tuntutan polisi insurans am yang belum dilapor (IBNR) tidak dibenarkan sebagai potongan dalam mengira cukai pendapatan syarikat insurans. Oleh kerana tuntutan IBNR adalah tanggungan, saya mencadangkan supaya tuntutan IBNR diberi potongan sepenuhnya dalam mengira cukai pendapatan syarikat insurans.

Pengecualian Cukai Ke Atas Anuiti

Pendapatan pelaburan di bawah skim anuiti yang diperniagakan oleh syarikat insurans dan takaful dikenakan cukai dua kali iaitu ke atas pendapatan pelaburan syarikat insurans dan takaful dan ke atas penerimanya. Kaedah percukaian berbeza dengan penerimaan anuiti di bawah skim pencen yang diluluskan seperti KWSP dan skim pencen kerajaan, yang di kecualikan dari cukai pendapatan. Bagi menghapuskan perbezaan ini dan menggalakkan perniagaan anuiti. saya mencadangkan supaya penerima skim anuiti yang diperniagakan oleh syarikat insurans nyawa dan takaful dikecualikan dari cukai pendapatan.

Mengurangkan Kadar Cukai Pegangan Ke Atas Faedah, Bayaran Teknikal Dan Royalti

Kita ingin membantu syankat tempatan mengurangkan kos pinjaman perniagaan dan kos memperolehi teknologi canggih dan nasihat teknikal. Dengan ini, saya mencadangkan kadar cukai pegangan ke atas bayaran kepada bukan pemastautin dikurangkan iaitu bayaran faedah dikurangkan dari 20 peratus kepada 15 peratus dan bayaran teknikal dan royalti dikurangkan dari 15 kepada 10 peratus.

Imbangan Pembayaran

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan keseluruhan Imbangan Pembayaran Negara terus kukuh dengan mencatatkan lebihan sebanyak RM5.3 bilion hasil dan aliran masuk modal jangka panjang yang pesat. Namun begitu, akaun sernasa dijangka mencatat defisit sebanyak RMl 1.7 bilion atau 6.8 peratus daripada KNK. Defisit tersebut meningkal sebanyak 18.7 peratus kepada RM17.7 bilion kerana aliran keluar yang meningkat bagi bayaran pendapatan pelaburan, fret dan insurans serta bayaran perkhidmatan rundingan dan pendidikan. Sungguhpun prestasi eksport negara terus kukuh, akaun dagangan dijangka mencatat lebihan yang kecil. Ini disebabkan oleh peningkatan import barangan perantaraan dan modal yang pesat berikutan dari kegiatan ekonomi yang mantap. Import besar-besaran seperti perolehan kapal dan pesawat. telah menjadikan impon meningkat dengan pesat.

Kita merangka strategi penggantian import dan eksport perkhidmatan bagi menangani defisit akaun perkhidmatan. Antaranya ialah:

Pertama : eksport Malaysia dibuat secara tambang kos fret dan insurans atau c.i.f. manakala import pula secara tambang atas kapal atau f.o.b. bagi mengurangkan aliran keluar fret dan premium insurans. Saya mencadangkan potongan dua kali bagi maksud cukai pendapatan diberikan atas premium perlindungan kargo eksport yang dibayar kepada syarikat insurans tempatan;

Kedua : Tabung Perkapalan ditambah kepada RMl.l bilion dan skopnya diperluaskan untuk merangkumi kegiatan pembinaan dan pembaikan kapal;

Ketiga bagi premium insurans, Skim Insurans Berisiko Besar dan Khusus telah dilancarkan manakala insurans semula, (re-insurance) kerajaan telah membenarkan syarikat insurans semula asing beroperasi semuta di Malaysia;

Keempat : meningkatkan keupayaan dan kecekapan pelabuhan termasuk menjadikan Pelabuhan Kelang sebagai pelabuhan entrepot dan pusat pemunggahan dan pemindahan kargo di rantau ini.

Kelima : penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Pembangunan bagi meningkatkan kemahiran juru perunding dan menggalakkan eksport perkhidmatan dalam bidang pembinaan;

Keenam : usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan yang unggul untuk mengurangkan aliran keluar perbelanjaan pendidikan; dan

Ketujuh : peruntukan sebanyak RM348 juta disedmkan untuk membangunkan industri pelancongan termasuk menggalakkan "eco-tourism" dan "agro-tourism".

Kajian Semula Galakan Untuk Ibu Pejabat Operasi

Dalam Belanjawan 1993 dan 1994. skop galakan Ibu Pejabat Operasi (IPO) telah diperluaskan kepada sektor perkhidmatan yang terpilih seperti perkhidmatan laut dan udara, profesional dan rundingan, komunikasi. pelancongan dan perkhidmatan bank perdagangan dan bank pelaburan. Sebagai usaha menggalakkan lebih banyak penubuhan IPO, saya mencadangkan, untuk membenarkan syarikat milik tempatan menubuhkan IPO. Perkhidmatan yang layak dijadikan lebih telus dan sektor yang layak diperluaskan kepada semua sektor ekonomi.

Infrastruktur

Pembangunan infrastruktur akan terus diberi keutamaan untuk mengatasi masalah kesesakan dan menentukan rangkaian pengangkutan yang moden. Sejumlah RM2.07 bilion diperuntukkan untuk tujuan pembinaan jalan Persekutuan, lintasan keretapi, skim memperbaiki lalu lintas di bandar utama, meneruskan projek menaikkan taraf Tambak Johor dan jalan-jalan besar utama di Sabah dan Sarawak.

Keutamaan diberi kepada projek Landasan Berkembar keretapi dengan peruntukan berjumlah RM299.8 juta dan dijangka akan beroperasi menjelang tahun 1995. Di samping itu, program elektrifikasi KTM diberi peruntukan RM102.8 juta. Untuk membaiki sistem pengangkutan bandaraya Kuala Lumpur, Fasa 1 LRT sedang dilaksanakan. Bagi meningkatkan perkembangan sektor perkhidmatan dalam industri perkapalan antarabangsa, sehingga ini operasi di Pelabuhan-pelabuhan Kelang, Johor, Bintulu, Pulau Pinang telah pun diswastakan.Pelabuhan-pelabuhan Kuantan dan Kemaman dijangka diperbadankan pada tahun 1995. Kerajaan akan terus meningkatkan kemudahan di semua lapangan terbang termasuk pembinaan yang dicadangkan di Tawau, Labuan dan Bintulu.

Penswastaan

Program penswastaan kita sebenarnya adalah satu-satunya contoh penswastaan besar-besaran yang berjaya di dunia. Ia bukan saja ingin dicontohi oleh banyak negara bahkan menjadi bahan irihati bagi sesetengah pihak. Sukar dibayangkan ekonomi Malaysia boleh mencapai paras kerancakan seperti sekarang ini tanpa penswastaan. Projek-projek prasarana asas telah berhasil memberikan keselesaan kepadarakyat dan membantu mempesatkan kemajuan ekonomi kita. Lebih daripada itu, ia telah meringankan beban kewangan kerajaan serta membolehkan peruntukan dipindahkan untuk maksud keselesaan rakyat.

Dengan penubuhan Khazanah Nasional Berhad, Kerajaan akan dapat menguruskan pelaburan ekuitinya dalam syarikat kerajaan dengan lebih berkesan. berasaskan portfolio yang seimbang bagi memperolehi pulangan yang munasabah. dan mengendalikan pelaburan baru dalam sektor strategik seperti bidang teknologi tinggi industri "aerospace" dan industri pertahanan.

Menghapuskan Duti Import ke Atas Jentera Berat

Projek-projek pembangunan yang pesat dilaksanakan memerlukan penggunaan banyak alat kelengkapan dan jentera berat. Sehubungan ini. saya mencadangkan supaya duti import ke aias beberapa jentera berat untuk digunakan di sektor pembinaan seperti jentolak (bulldozer), penggelek jalan (road-roller). pelarik tanah (grader) dan pemunggah (scraper) dihapuskan.

Penyusunan Semula Kadar Duti Import Kereta Penumpang

Pentadbiran duti import ke atas kereia penumpang akan dipermudahkan lagi untuk menjamin ketelusan pengimpon. Saya mencadangkan supaya struktur duti import kereta penumpang dikurangkan kepada tiga kumpulan sahaja duti yang akan dikenakan ialah dikurangkan kepada 140 peratus, 170 peratus dan 200 peratus berdasarkan kepada kapasiti enjin dan nilai kereta.

Sains Dan teknologi

Sains dan teknologi merupakan prasyarat untuk memasuki zaman

teknologi tinggi. Apabila ekonomi mencapai tahap gunatenaga penuh, teknologi boleh membantu menjimatkan tenaga buruh. Antara industri yang perlu kita kuasai ialah mikro-elektronik, komputer, bioteknologi, leknologi komposit, teknologi angkasa lepas, teknologi maklumat dan teknologi bahan termaju. Bagi menentukan keperluan P&P, peruntukan RM213 juta disediakan. Dari jumlah tersebut, RM115.5 juta adalah bagi Program Penumpuan Penyelidikan dalam Bidang Keutamaan (IRPA): iaitu pertanian, perindustrian, perubatan, kajian strategik dan sains sosiat.

Teknologi maklumat telah membawa dunia ke zaman pasca mdustri dan dunia telah diikat dengan rangkaian dan lebuhraya komunikasi antarabangsa. Kita perlu melipatgandakan usaha untuk menmgkaikan prasarana telekomunikasi melalui pembangunan rangkaian digital sepenuhnya, sistem multi-media dan lain-lain sistem penghantaran yang dapat mengintegrasikan negara ke dalam rangkain komunikasi dunia. kita akan membangunkan suatu sistem yang akan menghubungkan KLIA dengan keseluruhan rangkaian telekomunikasi negara melalui "information superhighway". Kerajaan telah menubuhkan satu sistem rangkaian kompuler yang dikenali sebagai JARING.

Alam Sekitar

Pemuliharaan alam sekitar. Sejumlah RM122 juta disediakan bagi program mencegah pencemaran, pengawalan buangan toksid, kempen kesedaran serta program latihan mengenai alam sekitar. Sebagai langkah pro-aktif, unsur mesra alam sekitar akan terus diterapkan dalam perancangan pembangunan. Pembangunan pusat pentadbiran baru di Putera Jaya. dulunya Prang Besar, akan dilaksanakan mengikut konsep eco-city bandar yang mempertahankan keseimbangan ekologi.

Asap berlebihan dan kenderaan diesel melemaskan kita. Tetapi kini enjin diesel jenerasi baru telah dicipta: lebih bersih. efisien dan tidak mengeluarkan asap berlebihan. Kerajaan ingin melihat lebih ramai pemilik kenderaan menggunakan diesel generast baru bagi menggantikan enjin diesel biasa yang berasap. Sebentar tadi saya telah mengusulkan supaya struktur duti import ke atas kereta penumpang disusun semula Walau bagatmanapun, saya mencadangkan supaya duti import dikurangkan kepadu 120 peratus, khusus bagi kereta penumpang baru berenjin diesel Seterusnya, saya mencadangkan supaya bayaran lesen kenderaan motor iaitu cukai jalan bagi semua kenderaan yang menggunakan enjin diesel generasi baru dikurangkan separuh dari kadar semasa. *[Tepuk]*

Pembangunan Desa

Tuan Yang di-Pertua, kekuatan dan keunikan falsafah pembangunan negara adalah dengan mengmtegrasikan pertumbuhan dengan pengagihan. Banyak negara berbangga mempamerkan wajah kota raya gemilang tetapi menyisihkan pembangunan wilayah dun desa. Disebaliknya kita memperuntukan hampir 64 peratus atau RM9.2 bihnn daripada belanjawan pembangunan bagi projek-projek di wilayah dan kawasan desa. Dari jumlah tersebut, RM 1.232 bilion adalah untuk projek pertanian. subsidi padi dan membiayai projek pertumbuhan ekonomi desa; RM300 juta untuk kemudahan kesihatan luar bandar: RM119 juta untuk bekalan air dan RM179.6 juta unluk bekalan elektrik RM515.3 juta diperuntukkan kepada program pembangunan yang diusahakan

di bawah lembaga-lembaga kemajuan wilayah.

Matlamat program ini adalah untuk membasmi kemiskinan desa dan memperbaiki taraf keselesaan hidup. Meskipun bilangan golongan termiskin semakin berkurangan, iaitu kira-kira 114,000 keluarga sahaja, usaha kerajaan melalui Program Pembangunan Rakyat Termiskin akan diteruskan. Peruntukan sebanyak RM176 juta disediakan bagi membiayai projek kemudahan pendidikan, bantuan makanan berzat untuk kanak-kanak serta kemudahan rawatan kesihatan. Dalam segala rentak pembangunan negara, kita tidak pernah lupa kepada tanggungjawab kita terhadap saudara mara, rakan dan taulan kita di kubang dan parit, rantau dan diceruk. Kita akan teruskan agenda utama membawa pembangunan pendidikan dan industri ke desa dan membawa kesenangan kepada semua. Ketika yang sama kita juga akan terus membina keperluan khusus untuk masyarakat desa — bekalan air dan api elektrik, baja dan atap zink. pondok telefon, jalan tar dan titi. Kita juga akan membantu kawan-kawan membina cakruk dan kalbat, padang bola dan gelanggang sepak takraw. Jika ada teluk dan hulu yang masih dalam proses menerimanya, kita akan menunaikannya. Sementara itu, janganlah sekali-kali terpedaya dengan omongan puak yang menanam tebu dibibir yang hakikatnya mengandungi racun berbisa. *[Tepuk]*

Pembangunan Sumber Manusia Berketrampilan

Perlumbuhan berkait langsung dengan kemampuan mengurus ekonomi dengan cekap serta bertindak segera membuat penyesuaian dan perubahan yang diperlukan. Pembaharuan, harus menjurus ke sektor strategik yang boleh menyumbang ke arah peningkatan produktiviti. Dalam keghairahan merancang dan membuat pesat kita dikejutkan dengan kenyataan yang mendebarkan - cabaran mendesak menyediakan sumber daya manusia yang berketrampilan. Terdapat jurang yang amat ketara sekali di antara permintaan dan penawaran tenaga kerja. Umpamanya, bagi tempoh 1994 hingga tahun 2000, keperluan tenaga kerja di bidang ikhtisas dan teknikal, termasuk pekerja mahir dan separa mahir. dianggarkan sebanyak 600,000 orang. Permasalahan kekangan tenaga kerja mahir mampu ditangani sekiranya kita bertindak pantas tanpa terikat dengan unjuran lama, perancangan biasa atau kaedah sedia ada.

Justeru itu, Kerajaan menyediakan peruntukan yang paling besar yang pernah diluluskan bagi maksud pendidikan dan latihan iaitu sebanyak RM 10.031 bilion atau 20.6 peratus daripada peruntukan tahun 1995. Sejumlah RM6.251 bilion disediakan bagi keperluan pendidikan rendah dan menengah, vokasional dan teknik. institusi pendidikan tinggi, termasuk pembukaan cawangan ITM dan bantuan kewangan bagi Kolej Tunku Abdul Rahman. Sejumlah RM1.84 bilion disediakan bagi pembinaan dan kenaikan taraf lebih l,600buah sekolah termasuk sekolah vokasional, teknik dan politeknik serta pembangunan kampus Universiti Malaysia Sabah, Hospital Pengajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) penyediaan kampus perubatan (UIA) di Kuantan.

Program Bertindak Bersepadu

Bagi tujuan menambah tenaga kerja mahir dan separa mahir, pelan bertindak secara bersepadu akan dilaksanakan seperti berikut:-

Pertama : semua institusi latihan di bawah kelolaan jabatan dan agensi dikehendaki menggunakan kapasiti sepenuhnya dengan penekanan baru;

Kedua : kapasiti institut latihan perindustrian akan diperbesar dan dipertingkatkan lagi termasuk pembinaan asrama tambahan;

Ketiga : membangunkan politeknik di Sabah dan lima institut latihan perindusirian baru di Selangor, Negeri Sembilan, Kedah, Sarawak dan Sabah;

Keempat : menaikkan segera taraf sekolah vokasional yang sedia ada kepada sekolah teknikal untuk mempastikan latihan yang berorientasikan kemahiran;

Kelima : mewujudkan program mengumpulkan segera pelajar tercicir di desa dan kawasan pedalaman ke institusi latihan kemahiran khas; *[Tepuk]*

Keenam : latihan menggabungkan teori dan amali dalam bidang industri pembuatan dan penggunaan teknologi terkini seperti yang dijalankan di Institut Latihan German-Malaysia (GMI) dan Institui France-Malaysia (FMI);

Ketujuh : syarikat-syarikat seperti Telekom, Petronas, dan Tenaga Nasional akan memperluaskan program latihan dan pendidikan secara besaran-besaran; dan

Kedelapan: memberikan pendedahan kepada pelatih di industri swasta dan meneruskan rancangan latihan kemahiran di industri luar negeri termasuk Jepun.

Selanjutnya bagi mendorong sektor swasta meningkatkan penghbatannya dalam program latihan teknikal dan vokasional, dan memperkenalkan auiomasi bagi mengatasi masalah tenaga kerja yang meruncing, saya mencadangkan galakan cukai berikut:

Pertama : sumbangan wang tunai. mesin peralatan kepada institusi latihan teknikal dan vokasional Kerajaan dan separa Kerajaan dibenar sebagai potongan cukai pendapatan;

Kedua : syarikat swasta yang menubuhkan institusi latihan teknikal dan vokasional layak mendapat galakan Elaun Cukai Pelaburan 100 peratus selama 10 tahun;

Ketiga : instilusi latihan teknikal dan vokasional yang sedia wujud, yang membuat pelaburan tambahan bagi maksud meningkatkan alat

kelengkapan atau membesarkan keupayaannya juga layak mendapat galakan yang serupa;

Keempat : institusi latihan teknikal dan vokasional layak mendapat pengecualian duti import, cukai jualan, duti eksais ke atas bahan pendidikan. alat kelengkapan, mesin dan jentera yang digunakan;

Kelima : pekerja yang melanjutkan pelajaran secara sambilan dalam bidang sains, teknologi dan Vokasional diberi pelepasan cukai ke atas yuran pelajaran sehingga RM2.000; dan

Keenam : duti setem ke atas suratcara pinjaman pelajaran dihapuskan sama sekali dan diganti hanya dengan kadar tetap RM6 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sementara kita mengejar ketrampilan teknologi, janganlah generasi muda sampai buta nilai, seni dan budaya dan cuma mengenal tukul dan spana sahaja. Kalau ini terjadi, malaplah masa depan kemanusiaan dan kita akan menjadi mangsa kepada kebiadapan jenis baru; yang diungkapkan oleh Ortega Gassett sebagai "the barbarism of specialization". Institusi profesional dan teknikal harus ingat bahawa mereka juga bertanggungjawab memberikan pendidikan agama dan nilai, menanam sikap dan etika kerja positif, dan kecintaan kepada negara.

Mengawal Inflasi

Inflasi akan ditangani sebagai strategi utama. Proses liberalisasi dan kelonggaran peraturan akan dilanjutkan. Usaha-usaha ini akan dapat mengatasi kepincangan sistem pemasaran dan membantu menstabilkan harga. Sehubungan ini, saya ingin mencadangkan penghapusan atau pengurangan duti import ke atas lebih daripada 2,600 jenis barangan yang meliputi bahan makanan termasuk makanan ternakan, peralatan rumah. bahan mentah pengilangan dan lain-lam lagi. *[Tepuk]* Langkah ini merupakan sekali lagi yang terbesar yang dipernah dikemukakan di Dewan ini. Dengan mengambilkira kesemua langkah percukaian, termasuk pengurangan cukai pendapatan, negara akan kehilangan hasil cukai sebanyak RM2 bilion. Namun kita bersedia melakukan ini untuk mengurangkan dan terutamanya menghapuskan sama sekali beban cukai sejumlah besar rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana. *[Tepuk]* Sekaligus, ia menyangkal pandangan sembrono suku sakat kecewa yang menuduh dasar percukaian kita hanya menguntungkan golongan kaya.

Duti Import

Penghapusan dan pengurangan duti import ke atas barangan makanan, memberi nampak nyata terhadap usaha memerangi imflasi. Dengan itu, saya mencadangkan penghapusan aiau pengurangan duti import ke atas barangan makanan sama ada yang segar. dikeringkan atau ditinkan. Barangan lersebut, kesemuanya berjumlah lebih 600 jenis, meliputi makanan laut, susu dan barangan susu, sayur-sayuran. buah-buahan, bijirin dan rempah ratus. Daripada jumlah tersebut lebih dari 300 jenis barangan akan dihapuskan langsung

duti importnya. Di amaranya ialah ikan kering, udang diproses, susu dan krim, kentang, bawang, halia, cili, kobis, kacang, biji kopi, cengkih, buah pala, dan minyak sayuran! *[Ketawa]* Duti import ke atas beberapa daging dihapuskan. Dengan tindakan ini semua jenis ternakan termasuk kuda, keldai dan baghal tidak tertakluk kepada cukai dan duti import, kerana kekurangan keldai dan baghal di Malaysia. *[Ketawa]* Saya juga mencadangkan supaya semua duti import ke atas bahan-bahan makanan binatang seperti sisa kacang soya, bahan-bahan daripada ubi kayu, dedak padi dan jagung dihapuskan.

Duti import ke atas pakaian telah pun dikurangkan dalam Belanjawan 1992. Namun masih terdapai beberapa barangan tekstil keperluan di rumah seperti tuala, kain cadar, kain langsir masih menarik duti import yang tinggi. Dalam Belanjawan ini, saya mencadangkan duti import ke atas lebih daripada 100 barangan tekstil diturunkan, di antaranya daripada 55 peratus kepada 30 peratus. *[Tepuk]*

Saya juga mencadangkan penghapusan atau pengurangan duti import ke atas berbagai jenis barangan lain. Duti import ke atas semua barangan yang digunakan untuk tujuan keagamaan seperti telekung, tasbih, kopiah, jubah dan peralatan serupa yang dipakai oleh penganut bukan Islam termasuk agarbatti (joss paper, joss stlck), samy tatte *[Ketawa]* dihapuskan. Duti import ke atas samy vilekku *[Ketawa]* (lampu minyak tembaga) juga dihapuskan untuk memeriahkan lagi sahabat-sahabat kita yang beragama Hindu merayakan Hari Deepavali yang menjelang tiba. *[Tepuk]*

Duti import ke atas berbagai barangan peralatan rumah pula dikurangkan, di antaranya peti sejuk, mesin basuh, periuk nasi elektrik, mesin jahit, tilam dan lampu filamen.

Bagi membantu pengeluar tempatan mengurangkan kos, saya mencadangkan duti import dihapuskan ke atas melebihi 1,400 bahan mentah, seperti bahan kimia dan galian, logam asas dan bahan tekstil, yang sekarang dikenakan duti 2 atau'3 peratus. Dengan ini saya juga menggesa pengeluar lempatan menggiatkan lagi usaha mereka mengurangkan kos dan meningkatkan produktiviti bagi menghadapi persaingan yang lebih terbuka. Kerajaan akan mengambil tindakan pengurangan perlindungan tarif secara berperingkat supaya harga barangan tempatan adalah rendah dan kompetitif.

Duti Eksais

Kerajaan juga akan menangani secara lebih agresif sistem pengagihan keluaran supaya bahan-bahan makanan dapat dipasarkan kepada pengguna dengan lebih efisien dan dapat memberikan harga yang berpatutan kepada pembeli. Memandangkan kos pengangkutan adalah merupakan komponen penting dalam ko.s pemasaran barangan maka saya mencadangkan supaya duti eksais ke atas kenderaan lori, minyak pelincir dan semua jenis tayar dihapuskan. *[Tepnk]* Saya juga mencadangkan penghapusan duti eksais ke atas beberapa barangan lain termasuk minuman ringan. minyak tanah dan bahan pembakar.

Langkah menyerlah sebegini kurang bererti sekiranya terdapat para peniaga ingin membolot keuntungan berlebihan dan tidak menurunkan harga barangan. Rakyat dan pengguna sewajarnya mendapat faedah maksimum. Oleh itu. Kerajaan akan tetap mengawasi dan mengambi) tindakan tegas terhadap pemeras dan penindas.

Dasar Kewangan

Tuan Yang di-Pertua, Dasar kewangan yang ketat akan diteruskan dalam tahun 1995 bagi menyekat inflasi. Tahap kecairan akan terus diawasi agar lebihan kecairan tidak disalurkan dengan sewenang-wenang untuk kegiatan yang tidak produktif. Dasar kewangan akan juga ditumpukan untuk memperbaiki, 'intermediation process' dan memberi kadar pulangan yang positif kepada penyimpan. Kadar pertukaran asing telah menjadi lebih kukuh. Kadar pertukaran ringgit akan ditentukan oleh kuasa pasaran yang mencerminkan kekukuhan semasa asas ekonomi negara. Kerajaan juga akan meneruskan usaha liberalisasi memandangkan Malaysia telah mencapai suasana kestabilan dalam ekonomi dan kewangan. Walau bagaimanapun, usaha-usaha liberalisasi akan dilakukan secara berperingkat bagi menjamin kelicinan dan kesinambungan sistem kewangan negara.

Kelonggaran Peraturan-peraturan Ke atas Kawalan Pertukaran Asing

Urusniaga dalam pertukaran wang asing juga telah meningkat dengan ketara. Langkah semasa ke arah liberalisasi dalam perdagangan dunia dan urusniaga pertukaran wang asing memerlukan kita melonggarkan beberapa peraturan dalam kawalan pertukaran asing. Dengan ini, saya ingin mengumumkan beberapa kelonggaran dalam peraturan kawalan pertukaran wang asing seperti berikut:-

Pertama : pengeksporl akan dibenarkan menyimpan sebahagian daripada pendapatan eksport mereka dalam matawang asing, tertakluk kepada syarat bahawa pendapatan tersebut disimpan dalam akaun matawang asing dengan bank-bank yang dibenarkan di Malaysia;

Kedua : untuk memudahkan pembayaran perbelanjaan oleh pemastautin yang bekerja dan pelajar-pelajar yang menuntut di luar negeri, mereka dibenarkan membuka dan menyimpan akaun dalam matawang asing dengan bank-bank di Malaysia, termasuk Labuan dan juga bank-bank di luar negeri;

Ketiga : jumlah pinjaman dalam matawang asing yang perlu mendapat kelulusan akan ditingkatkan, daripada kadar bersamaan RM2 juta pada masa ini kepada RM5 juta secara aggregat;

Keempat : kemudahan jaminan dan tukaran hadapan matawang asing Syarikat Milik Bukan Pemastautin (NRCC) dikecualikan dari pengiraan had pinjaman dana ringgit yang tidak memerlukan kelulusan;

Kelima : nisbah pinjaman dalam negeri kepada dana model NRCC yang layak akan ditingkatkan daripada 2:1 kepada 3:1. Pinjaman ringgit kepada bukan pemastautin dilonggarkan sehingga RM200,000. Bukan pemastautin

juga boleh membuat pinjaman perumahan tertakluk kepada beberapa syarat tertentu.

Tabung Makanan

Sebagai usaha meningkalkan bekalan makanan tempatan Tabung Makanan ditambah kepada RM600 juta bagi menggalakkan sektor swasta meningkatkan pengeluaran bahan pertanian dan ternakan. Untuk menggalakkan penggunaan tabung ini, kriteria baru akan diperkenalkan. Kadar pinjaman akan diturunkan dari 7.75 peratus kepada 4 peratus dan tempoh bayaran balik dipanjangkan dari 5 hingga 8 tahun.

Membentuk Masyarakat Progresif dan Seimbang

Tuan Yang di-Pertua, kehidupan harus lebih bererti. Rupa tanpa nama, bagai raga tidak berjiwa. Untuk mengubati penyakit sosial yang berserabut, kita perlu menanam semangat menghayati kehidupan ideal: iaitu kehidupan berlandaskan rukun agama dan prinsip akhlak, ghairah kepada ilmu, menghargai budaya dan penyayang.

Kerajaan menyediakan peruntukan RM200 juta melalui pelbagai jabatan dan institusi Islam yang bertanggungjawab menyebar kefahaman Islam secara positif dan sejagat, memupuk tasammuh, toleransi, mengikis kejumudan dan memerangi penyelewengan aqidah.

Kita perlu meniup api cinta dan berahi kepada ilmu, kerana ilmu memerdekakan diri dari sifat tamak dan haloba, keserakahan nafsu, kesempitan taqlid, kepalsuan ideologi dan ajaran sesat. Dalam berhadapan dengan serangan kebudayaan asing kita sering gawat. Jangan salahkan kebudayaan asing sekiranya kita tidak mampu menampilkan ciri kebudayaan sendiri melalui "cultural empowerment". RM84.2 juta diperuntukkan kepada Perpustakaan Negara Malaysia, perpustakaan sekolah-sekolah dan perpustakaan awam di peringkat negeri. Satu Tabung Penerbitan akan ditubuhkan dengan sejumlah dana sebanyak RM20 juta untuk pinjaman mudah modal kerja bagi penerbit-penerbn tempatan.

Dalam Belanjawan lalu, sumbangan syarikat hingga RM 100,000 menubuh dan memperlengkapkan perpustakaan awam termasuk pusat pendidikan dan bilik bacaan desa diberi pelepasan cukai. Sebagai langkah pengukuhan asas budaya ilmu, saya mencadangkan supaya pelepasan cukai dipanjangkan kepada individu sehingga RM20,000.

Usaha ke arah penyuburan seni akan dibantu dengan sempurnanya pembinaan Panggung Negara. Dana Pemberian sebanyak RM5 juta diluluskan kepadu Balai Seni Lukis Negara. Program di bawah Perjanjian Kebudayaan akan dilaksanakan untuk meningkatkan kerjasama dua hala dan untuk memperkenalkan Malaysia di peringkat antarabangsa. Tahun lalu kita telah mencadangkan satu pakej percukaian untuk masyarakal budayawan. Kali ini. untuk meningkatkan tahap profesionalisme bidang seni khususnya industri penyiaran dan seni muzik, saya mencadangkan penurunan duti import kepada keperluan-keperluan tersebut termasuk piano dikurangkan daripada 40 kepada 25 peratus. Pengusaha-pengusaha dalam industri muzik diberi pengecualian cukai ke atas alat-alat dan aksesori studio rakaman.

Kita bersimpati dengan para remaja yang saban hari menerima leteran. Akan tetapi harapan kita menggunung tinggi

agar generasi muda menjamin kelangsungan perjuangan bangsa. Pendekatan harus hikmah ke arah menggerakkan potensi mereka. Justeru itu, dengan penglibatan semua agensi dan pertubuhan belia, Kerajaan telah memperkenalkan Wawasan Rakan Muda dengan tiga program teras iaitu Gaya Hidup Rakan Muda, Briged Rakan Muda dan Rakan Sukan. Sebanyak RM176 juta diperuntukkan untuk program ini. Untuk menggalakkan golongan remaja mengambil bahagian dalam sukan, sebanyak RM104 juta disediakan untuk kemudahan sukan seperti komplek sukan, stadium dan program pembangunan ahli sukan. Pihak Swasta juga turut memberi sumbangan sebanyak RM153.3 juta. Kita berharap pihak swasta akan mempertingkatkan usaha menyediakan lebih banyak kemudahan bagi para remaja menjalankan aktiviti rohani dan jasmani yang sihat. Dengan cara itu, kita memberikan kegiatan bermanfaat dan waktu luang mereka tidak menjadi mudarat.

Peranan Wanita

Antara susuk yang menyebabkan Malaysia terserlah di kalangan negara membangun dan negara Islam ialah penyertaan wanita yang tampak dan berkesan dalam hampir semua sektor. Bahkan dalam perkhidmatan tertentu seperti pendidikan. perubatan, bidang pembuatan dan luar bandar, negara bergantung pada golongan wanita. Namun kita perlu terus mengusahakan penyertaan wanita yang lebih berkesan di semua peringkat. Wanita sentiasa seiring dalam barisan merintis perubahan dan kemajuan sosio-ekonomi dan politik. Pergorbanan wanita melimpahkan derma kepada bangsa dan negara menjadi kebanggaan kita semua. Kita semakin sedar terhadap peranan wanita tatkala masyarakat berdepan dengan pelbagai penyakit sosial, justeru sekali sumbangan mereka termasuk bagi mengukuhkan institusi keluarga akan menjadi semakin penting.

Budaya Ikram

Teras masyarakat penyayang ialah institusi kekeluargaan, semangat kerjasama, kejiranan, keprihatinan terhadap keperluan warga tua, golongan cacat dan malang. Kita mengajak sektor swasta untuk bersama menjayakan cita-cita ini. Kerajaan menyediakan peruntukan berjumlah RM285 jula. Dari jumlah tersebut, RMI2 juta dikhaskan kepada program kebajikan seperti projek Pemulihan Dalam Komuniti, Rumah Kelompok bagi orang cacat, menaikkan kadar bantuan kepada badan sukarela. golongan dhaif dan elaun insentif pekerja cacat. Semua bangunan institusi kebajikan untuk anak yatim, orang cacat wargatua akan juga diperbaiki, di samping menentukan kemudahan jagaan yang lebih selesa serta latihan dan bimbingan yang lebih baik.

Masalah penyalahgunaan dadah kian membimbangkan kita. Sekiranya keadaan ini tidak dibendung bilangan penagih dadah dijangka akan meningkat melebihi 200,000 orang menjelang tahun 200!). Strategi baru diperkenalkan bagi menangani masalah ini. Di antaranya termasuk pembinaan 7 buah pusal pemulihan yang dijangka melibatkan kos RM28 juia di samping 69 pusat jagaan dan rawatan yang sedia ada.

Pelepasan **Cukai** Bagi **Orang** Cacat

Pada masa ini, seorang pembayar cukai yang mempunyai anak cacat layak menikmati pelepasan cukai sebanyak RM 1,600. Sebagai langkah berterusan untuk membela golongan yang kurang bernasib baik, saya mencadangkan

pelepasan tambahan sebanyak RM5,000 diberi kepada pembayar cukai yang cacat dan sebanyak RM2.500 kepada pasangan yang cacat. *[Tepuk]*

KWSP dengan dana terkumpul sebanyak RM80 bilion akan dijadikan lebih luas berfungsi sebagai instrumen masyarakat penyayang untuk manfaat pencarum. Berpandukan rayuan yang diterima, seorang pencarum akan diberi pilihan sama ada mengeluarkan simpanan secara sekaligus atau secara ansuran bulanan setelah mencapai umur 55 tahun. Pencarum juga diberi kelonggaran untuk mengeluarkan 10 peratus simpanan bagi tujuan perubatan. Kemudahan pengeluaran bagi tujuan pembelian rumah dinaikkan kepada 30 peratus. Semua langkah ini berkuatkuasa pada 1 November tahun ini.

V. PROSPEK DAN CABARAN 1995

Tuan Yang di-Pertua, dengan strategi Belanjawan yang dikemukakan kita yakin, insya-Allah, Malaysia sekali lagi akan mencatat prestasi cemerlang tahun 1995. Penurunan cukai, baik korporat mahupun individu, akan menggiat keusahawanan. Apabita kita bersemangat untuk bekerja, daya pengeluaran akan bertambah dan seterusnya negara dan rakyat akan bertambah makmur. Bahkan, 500 tahun yang lalu Abdul Rahman Ibn Khaldun dalam kitabnya Muqaddimah menegaskan bahawa pasaran bebas boleh menjamin pengagihan dan juga penurunan kadar cukai dapat membantu meningkatkan jumlah pungutan cukai. Justeru itu, demi kesejahteraan rakyat, kita akan terus menggalakkan penglibatan swasta dan bersedia menurunkan cukai, kecuali cukai tembakau dan minuman keras.

Pengurangan cukai dan liberalisasi akan mendorong semua sektor utama untuk menjadi lebih cergas. Sektor perkilangan dijangka tumbuh pada kadar 12.5 peratus, sektor perkhidmatan 9 peratus, sektor pertanian akan pulih dan berkembang pada kadar 2.2 peratus.

Pelaburan awam akan meningkat sebanyak 14.3 peratus, dan sektor swasta 11.9 peratus. Pelaburan yang kukuh ini sebahagian besarnya didorong oleh perlaksanaan beberapa projek raksasa.

Keyakinan kita diperkukuhkan lagi oleh beberapa faktor antarabangsa:

Pertama : ekonomi negara industri akan pulih dan tumbuh pada kadar 2.7 peratus;

Kedua : ekonomi dunia berkembang pada kadar 3.6 peratus berbanding dengan 3 peratus tahun ini;

Ketiga : perdagangan dunia akan meningkat antara 6 hingga 7 peratus:

Keempat : ekonomi negara-negara yang semakin penting sebagai rakan dagangan akan berkembang pada purata 7 peratus.

Kesemua faktor ini akan bergabung untuk merangsang ekonomi Malaysia tahun hadapan. Kita ramalkan pertumbuhan akan kekal pada kadar 8.5 peratus. *[Tepuk]*

Kita boleh bersorak dengan kejayaan dan prospek yang cerah, tapi biarlah berpada-pada. Yang lebih afdhal ialah mengikut resmi padi; lebih tunduk apabita tambah berisi. Dalam kemewahan, kita jangan boros kerana ada masa kita menghadapi kesulitan

jangan disangka panas hinga ke petang, sambungannya, rupanya hujan di tengah hari. Manakala dirujuk pandangan Ibn Khaldun tentang kebaikan menurunkan cukai, kita perlu mengambil iktibar dari peringatan beliau; bahawa keruntuhan suatu masyarakat sering bermula dari pembaziran, rasuah dan kerendahan akal budi.

Justeru itu perbelanjaan berhemat dan disiplin fiskal akan terus dikekalkan. Jabatan dan agensi perlu mematuhi prinsip perakaunan yang ketat. Jika ini kita laksanakan kita yakin kedudukan belanjawan berimbang akan dapat dipertahankan.

1995 adalah tahun terakhir Rancangan Malaysia Keenam. Kita perlu menyempurnakan segala program yang dirancangkan.

Cengkaman terhadap inflasi jangan sekali-kali dilonggarkan. Inflasi perlu dibanteras dengan menggunakan segala cara yang boleh dilaksanakan, termasuk kebijakan fiskal dan kewangan, pengambilan buruh yang lebih pragmatik, dan lain-lain kaedah penjimatan.

Usaha meningkatkan produktiviti menjadi cabaran kepada gerakan pekerja semasa. Kita mengucapkan terima kasih kepada semua pekerja dan kesatuan sekerja yang turut menjamin kesinambungan keharmonian industri. Pelabur asing tidak teragak-agak untuk melabur di Malaysia dengan persekitaran serasi.

Kita sepatutnya menentang kepura-puraan kesatuan sekerja negara industri yang cuba memaksa satu peraturan perburuhan yang seragam untuk dunia. Kesatuan sekerja Barat bukan lagi memperjuangkan kepentingan pekerja, tetapi telah bersekongkol dengan golongan kapitalis yang ketandusan idea dan kehilangan kecekapan dan gerun dengan persaingan. Selama ini bukan mereka yang memperjuangkan nasib pekerja di Malaysia. Nasib pekerja kiia dibela oleh semangat setiakawan pekerja dan rakyat Malaysia sendiri.

Sebenarnya kian berkurangan dikotomi antara bumiputera dan bukan bumiputera dari segi peluang ekonomi. Ramai usahawan bumiputera mendapat faedah berlipatganda dari peluang ekonomi yang diberikan kepada bukan bumiputera dan begituiah di sebaliknya. Negara kita yang berbilang bangsa ini menuntut supaya kita lebih banyak bekerjasama daripada berebut-rebutan. lebih banyak toleransi dan tasammuh daripada benci membenci dan caci mencaci. Sumber dan peluang ekonomi dalam negara memang cukup untuk semua, tetapi tentulah tidak memadai untuk memenuhi ketamakan manusia. Marilah kita bertindak secara dewasa dan meninggalkan permainan politik perkauman picisan dan kebencian dengan menabur fitnah dan meniup api perkauman.

Pembangunan yang kita anjurkan bersifatkan syumul, bernafaskan nilai murni hidup insan. Maka kita tidak boleh membangunkan industri, gedung dan prasarana sambil meruntuhkan akhlak dan martabat insan. Justeru itu, kita perlu memperkukuh keyakinan agama. institusi keluarga dan menghayati prinsip moral sebagai sumber kekuatan dan daya tahan masyarakat. Begitu jugalah ditegaskan oleh Wang An Shih, *[Ketawa]* negarawan dan reformis China di kurun ke 12. bahawa kita perlu melaksanakan dasar pragmatts, "utilitarian policies" untuk menangani cabaran semasa, namun matlamat terakhir adalah reformasi sosial dan kemajuan akhlak. Prinsip kehidupun bermasyarakat yang beliau kemukakan:

chung - ketaatan; hsin - kejujuran; lien - pertanggungjawaban kewangan; dan ch'ih - maruah diri *[Ketawa] [Tepuk],* ini perlu kita renungi bersama. Tokoh sezaman dengan Wang An Shih, Hajatul Islam Imam Al-Ghazali, melancarkan islah dan tajdid di dunia Islam. Al-Ghazali menganjurkan reformasi sosial berdasarkan prinsip al-adl wal-ihsan dan di samping itu, menyanggah sistem percukaian yang membebankan rakyat.

VI. PENUTUP

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kita mempunyai cukup sebab untuk lebih bersyukur agar Allah SWT menambahkan nikmatNya. Kerajaan juga berterima kasih kepada rakyat atas sokongan pudu mereka yang menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang makmur dan stabil. Sementara kita menegaskan demokrasi dan menghormati kebebasan individu, kita akan mengambil sikap proaktif terhadap mereka yang cuba menggugat keharmonian kehidupan, baik mereka itu pelampau perkauman dan pembawa ajaran sesat. Ingatlah, siapa yang menabur angin akan menuai badai. *[Tepuk]* Apabila Kerajaan bertindak terhadap Al-Arqam, kita dihujani dengan pelbagai tohmahan Kebijaksanaan kha terbukti dengan pengakuan terbuka pimpinan Al-Aqram. Kita ucapkan tahniah kepada pihak keselamatan dalam negeri dan para ulama di atas kegigihan mereka. *[Tepuk]* Namun kewaspadaan kita terhadap segala bentuk ajaran sesat dan puak pelampau harus diteruskan.

Hari demi hari tekad rakyat untuk memberi sokongan kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad semakin kental *[Ketawa]* Ini dibuktikan dengan kejayaan Barisan Nasional menawan semula Sabah. *[Tepuk]* Insya-Allah, keyakinan dan amanah tersebut tidak akan kita sia-siakan. Ia akan kami jadikan bebagai rangsangan baru unruk meningkatkan terus khidmat kepada rakyai.

Demikian jualah sikap kita. yang selaras dengan prinsip yang ditegaskan oleh filasuf Kung Fu Tse, *[Ketawa]* iaitu prinsip Su atau 'kesalingan' (reciprocity), dengan izin, orang belum taham ini *[Ketawa]* apakah yang dimaksudkan dengan 'kesalingan' atau reciprocits. Tuan Yang di-Pertua. Manakala pemimpin dan Kerajaan bertanggungjawab dan kasih kepada rakyat, rakyai akan terus mendukung dan menyokong pimpman dan dasar kerajaan. *[Tepuk]* Sebab itulah kerana menghargai sokongan rakyatlah, kita kemukakan belanjawan yang membebaskan sebilangan besar rakyat dari beban cukai dan mengurangkan bebanan mereka. Kita hapuskan duti import lebih dari 2.600 barangan, merangsang pertumbuhan ekonomi, melaksanakan projek perumahan rakyat, meningkatkan usaha membasmi kemiskinan, membangunkan infrastruktur baru dan kawasan luar bandar - ertinya usaha berterusan meningkatkan keselesaan rakyat.

Kerajaan juga akur bahawa kita tidak dapat berfungsi tanpa jentera pentadbiran dan tanpa dedikasi pasukan pegawai kerajaan yang berjumlah 800,000 oranu Mereka, pegawai-pegawai kita. dari pegawai dan juga pendidik tenaga protesional dan teknik, bergabung tenaga meningkat produktiviti dan melaksanakan pembaharuan untuk menggilap mutu perkhidmatan sehingga Perkhidmatan Awam Malaysia menjadi model kepada banyak negara. Begitu juga dengan pasukan keselamatan - polis dan tentera - yang bertugas dengan penuh dedikasi menjamin keamanan. Di kalangan pasukan tentera ada yang mengharumi nama negara kerana pengorbanan

menjaga keamanan antarabangsa di Bosnia, Somalia dan Kampuchea. Sebagai tanda terima kasih dan penghargaan kita, maka Kerajaan mencadangkan pemberian bonus satu bulan gaji kepada mereka *[Tepuk]* dengan kadar minimum RM600 yang dianggarkan lebih kurang 1½ bulan bagi kumpulan gaji terendah. *[Tepuk]* Pembenan ini melibatkan tambahan perbelanjaan hampir RM1 bilion.

Lima dekad yang lalu, tatkala Almarhum Dato' Onn Jaafar mengadakan perhimpunan untuk melancarkan gerakan kebangsaan, beliau bertanyakan kepada mereka yang hadir. "Apakah tujuan kita berhimpun beramai-raniai pada hari ini?" Dato' Onn memberikan penegasan supaya jangan ada yang memandang leceh kepada bangsa kita. Begitulah tekad bapa gerakan kebangsaan negara kita.

Dekad demi dekad kita tumpukan tenaga untuk membangunkan negara membasmi kemiskinan dan memperbaiki taraf sosial rakyat, Mulai awal lapan puluhan, apabila kadar kemiskinan banyak berkurangan, negara telah bersedia memasuki era baru pembangunan. Maka tampillah Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, *[Tepuk]* dengan izin, with the time comes the man, menggerakkan negara menerokai sektor industri dengan agresif dan seterusnya mengangkat martabat negara di mata dunia. *[Tepuk]*

Di zaman sebelum merdeka ada yang mempertikai keupayaan kita kerana belum yakin kita boleh mencipta jarum. Semua barang kegunaan di zaman itu tertulis - semasa saya kanak-kanak lagi, kita baca semuanya bertulis "Made in England" *[Ketawa]* sekarang kita telah mengeluarkan kereta sendiri. Bahkan negara yang bernama England turut membeli kereta "Made in Malaysia." Insya-Allah, sedikit masa lagi kita juga akan mengeluarkan pelbagai barangan baru termasuk pesawat ringan "Made in Malaysia." Kini tidak ada yang berani berbuat sembarangan kepada Malaysia.

Apabila nasib rakyat terbela. pertumbuhan ekonomi mampan keadaan politik dan sosial tampan, maka Malaysia boleh bersuara di medan antarabangsa dengan yakin dan tanpa rasa tanggung. Hari ini pendirian Malaysia mengenai pelbagai persoalan keadilan sejagat disegani dan dihormati seantero dunia.

Gerakan rakyat seperti dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan bukan-kerajaan melalui Barisan Bertindak Bosnia untuk membela nasib rakyat teraniaya misalnya menjadi satu lagi mercu tanda keperihatinan dan besar jiwa rakyat kita yang sangat murni.

Kita berada di daerah perbatasan antara sistem lama dengan tata baru. Tata dunia lama yang munafik kian lemah dan cengkamannya kian longgar. Tetapi sistem lama tidak akan berakhir dengan sendirinya - dengan ledakan atau sedu sedan - tanpa asakan dan tekanan dari kekuatan baru. Kita mempunyai tanggungjawab moral, menyumbang bagi mengakhiri sistem lama dan memberikan corak dan arah kepada tata yang bakal muncul.

Janganlah kita menjadi manusia kerdil yang fikirannya berjerubu. terpukau dengan kuasa luar dan lebih berminat untuk menerima pujian mereka dengan sanggup mencaci bangsa dan negara sendiri. Jangan menjadi seperti yang disebutkan oleh Shahidul Hikayat: seperti Pak Kadok, yang menang sorak tetapi kampungnya tergadai.

Tuan Yang di-Pertua. maka sampailah kita di penghujung kata dan

penutup kalam: Bukanlah mudah bagi kita dapat mempertahankan kestabilan, keharmonian dan hidup berukun dalam semangat masyarakat berbilang kaum, agama dan keturunan di Malaysia. Apabila kita menyaksikan pembersihan etnik di Bosnia dan perang kabilah di Rwanda dan Somalia kita bertambah insaf betapa bertuahnya negara kita yang bersatu. Apabila negara lain menderita azab sengasara, dilanda kebuluran, diserang wabak dan sampar, rakyat kita makmur dan sihat walafiat. Apabila negara membangun masih merangkak dalam kebekuan ekonomi, kita memacu pertumbuhan memberangsangkan. Tatkala negara lain dicengkam krisis akibat melebarnya jurang ketidaksamaan, kita telah melaksanakan cita-cita keadilan sosial dengan dasar pengagihan yang ternyala berkesan. Justeru kejayaan inilah Malaysia dalam memupuk perpaduan rakyat melalui pertumbuhan dan keadilan sosial, maka Agensi Pembangunan (UNDP) telah memilih Malaysia sebagai contoh untuk perpaduan masyarakat. *[Tepuk]*

Kita lebih bersyukur kerana kenyataan tersebut tidak menyebabkan kita angkuh atau lupa dan alpa. Kita harus bertawaddu' dan menerima hakikat bahawa agenda perjuangan masih belum selesai. Perjalanan masih jauh, tanggungjawab semakin mencabar. Tekad kita adalah untuk menterjemahkan Wawasan 2020 sebagai satu kenyataan. Tidak ada masa untuk ghaflah dan mudah rasa selesa. Wawasan yang kita perjuangkan cukup ampuh, menggarap segala segi kehidupan manusia. Wawasan mendorong kita menjayakan cita-cita ummatan wasatan - masyarakat yang cemerlang kerana mempertahankan keseimbangan. Kejayaan inilah akan dijadikan teladan kepada umat manusia seluruhnya; syuhada a alannas. Dan untuk itu, mari kita terus memperteguh barisan,menggembleng perpaduan rakyat, berpegang tangan dan mengikat janji, bermuafakat untuk mengangkat martabat negara dan darjat bangsa Malaysia dengan memberikan sokongan padu kepada Perdana Menteri yang dikasihi Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad *[Tepuk]* dan Kerajaan Barisan Nasional. *[Tepuk]*

Semoga Allah SWT memperkuatkan tekad kita berjuang dan merestui amalan kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S. Samy Yellu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

Anggaran Pembangunan 1995

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul di atas nama saya di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini yang berbunyi:

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Empat Belas Billion, Empat Ratus Dua Juta. Sembilan Ratus Enam Puluh Enam Ribu dan Tujuh Ratus (RM14,402,966,700) dibelanjakan daripada kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1995, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau 'P' dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 Tahun 1994, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang berselentangan dengan

butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut."

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 66(3). perbahasan di atas usul-usul bagi bacaan kali yang kedua atas Rang "Undang-undang Perbekalan 1995 dan Usul Anggaran Pembangunan 1995 hendaklah ditangguhkan pada suatu tarikh tidak kurang daripada dua hari setelah usul-usul tersebut dicadangkan dan disokong. Oleh yang demikian, mesyuarat Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Isnin, 31hb Oktober, 1994.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.40 petang.